

Rakyat catu belanja

UTUSAN MALAYSIA MS: 1 24/6/2022

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Keadaan ekonomi tidak menentu dan diburukkan dengan kenaikan kadar inflasi selain pemansuhan harga siling ayam, telur dan subsidi minyak masak botol memaksa rakyat mencatu perbelanjaan harian.

Kenaikan harga barang akan terus dirasai bulan depan memabitkan hampir semua jenis termasuk harga makanan di restoran dan gerai-gerai yang

- 15.6% M40 beralih ke B40
- Harga makanan meningkat 20%
- Kadar inflasi meningkat 3%

dijangka sehingga 20 peratus.

Peningkatan tersebut akan

melonjak sekiranya kerajaan terus mengambil langkah drastik untuk menarik beberapa lagi subsidi barang lain termasuk bahan api sebagai mekanisme penyusunan semula pelaksanaan subsidi bersasar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kesan ekonomi global, penarikan dan penyusunan semua subsidi tersebut sekali gus bakal menyaksikan peralihan kumpulan

M40 kepada B40 yang dijangka meningkat sebanyak 15.6 peratus atau memabitkan 433,680 isi rumah selepas ini.

Menurut beliau, Jabatan Perangkaan pada tahun lalu mencatatkan sebanyak 20 peratus atau kira-kira 580,000 isi rumah daripada kumpulan M40 beralih kepada had pendapatan di bawah kumpulan B40 kesan daripada beberapa faktor termasuk akibat pandemik Covid-19.

Bersambung di muka 3

Rakyat catu belanja

UTUSAN MALAYSIA

MS: 3

24/6/2022

Dari muka 1

Kata beliau, susulan langkah terbaharu kerajaan itu juga akan menyebabkan kumpulan B40 dan M40 terus 'tertekan' apabila perbelanjaan isi rumah kumpulan tersebut akan meningkat tetapi jumlah pendapatan mereka sama.

"Akan lebih ramai golongan M40 beralih kepada B40 kerana purata gaji dan upah bulanan pada 2020 kini menyusut sembilan peratus iaitu penurunan kali pertama sejak direkodkan mulai 2010.

"Kalau secara median, ia jatuh 15.6 peratus. Oleh itu situasi golongan M40 kini seolah-olah memperoleh gaji seperti B40 dan ia adalah realiti pada waktu seka-

rang," katanya.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan bantuan tunai langsung kepada golongan miskin selepas menghapuskan subsidi untuk beberapa barangan keperluan termasuk ayam, telur dan minyak masak botol.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, inflasi dijangka terus meningkat pada Julai ini apabila harga siling ayam dan telur dimansuhkan manakala tiada lagi subsidi minyak masak botol kerana kategori makanan dan minuman merangkumi 29.5 peratus pemberat untuk Indeks Harga Pengguna (IHP).

Bagaimanapun, menurut beliau, jumlah itu tidak meningkat dengan ketara kerana secara puratanya kadar inflasi di negara

ini sentiasa rendah dan kurang daripada empat peratus dan kemungkinan kadar inflasi bulan depan sekitar tiga peratus.

"Pengumuman semalam bukan langkah terbaik tetapi kerajaan tiada pilihan kerana kekangan perbelanjaan dan untuk memastikan kelangsungan peniaga juga," katanya.

Pakar ekonomi, Prof. Dr. Barjoyai Bardai berkata, perbelanjaan isi rumah dijangka meningkat sekitar 20 peratus ekoran tiada subsidi untuk barang asas tersebut.

Beliau menjangkakan peningkatan sama membabitkan harga makanan di restoran termasuk gerai-gerai kecil selepas ini.

"Kumpulan bujang menjadi golongan paling terkesan ker-

ana mereka banyak makan di luar tetapi pendapatan sama," katanya.

Justeru, Barjoyai berkata, langkah terbaik yang perlu dilakukan rakyat adalah mengawal perbelanjaan termasuk mengurangkan makan di luar.

Sementara itu, Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam, Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, kini tanggungjawab terletak kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) menggunakan manfaat tersebut hanya untuk tujuan yang sepatutnya.

Menurut beliau, tidak dinafikan pengumuman penyaluran subsidi bersasar bagus untuk mengurangkan beban yang bakal ditanggung rakyat susulan kenaikan harga barangan.